

30 JUL 1996  
Lim-Kesatuan

#### KESATUAN SEKERJA BOLEH BANTU KEMASKAN PENTADBIRAN

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Kerajaan mahu Majlis Bersama Kebagsaan (Pihak Pekerja) turut memberi idea positif bagi memperkemas lagi jentera pentadbiran negara selain meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan awam.

Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek hari ini berkata kerajaan kini melangkah ke era baru seperti penggunaan teknologi maklumat serta meningkatkan kualiti perkhidmatan ke tahap antarabangsa mengikut standard ISO 9000 selaras dengan pencapaian negara maju.

Ketika merasmikan persidangan perwakilan dwi tahunan MBK bagi Pekerja Pengurusan dan Profesional dan MBK bagi Pekerja Sains dan Teknologi dalam Kumpulan Sokongan di sini, beliau mencadangkan agar perkara-perkara ini dibincang di peringkat MBK.

"Kerajaan akan terus mengamalkan dasar kebebasan penubuhan kesatuan sekerja sektor awam di negara ini tertakluk kepada peruntukan undang-undang," katanya.

Kerajaan juga mengamalkan dasar yang liberal dengan membenarkan kesatuan sekerja di negara ini bergabung dengan pertubuhan-pertubuhan di peringkat antarabangsa.

"Tidak wajar bagi sesetengah pihak khususnya pertubuhan buruh antarabangsa menuduh kerajaan kita menyekat kebebasan pekerja-pekerja berkesatuan," katanya.

Lim berkata memang ada golongan pekerja di negara ini yang dilarang menyertai gerakan kesatuan sekerja tetapi ini untuk menjamin kepentingan dan keselamatan negara.

Golongan pekerja yang dilarang berkesatuan ialah seperti anggota Polis, anggota Tentera, anggota perkhidmatan Penjara, pegawai yang bertugas dalam urusan sulit atau keselamatan dan pegawai yang memegang jawatan dalam kumpulan pengurusan dan profesional.

Kini terdapat 223 kesatuan sekerja di sektor awam mengandungi 317,000 kakitangan sektor awam sebagai anggota walaupun lebih ramai lagi layak dan dibenarkan menjadi anggota.

Presiden Cuepacs Encik Mohamed Mat Jid memberitahu pemberita selepas perasmian itu bahawa Cuepacs berharap untuk menyerahkan dalam minggu ini memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang antara lain akan meminta supaya elaun perumahan kepada 400,000 kakitangan kerajaan kumpulan sokongan dinaikkan kepada RM230 sebulan. -- BERNAMA

AFY MAI